

SIAPAKAH MELAYU? ANALISIS NARATIF IDENTITI ORANG MELAYU DI MEDAN, SUMATERA UTARA

(WHO IS MALAY? NARRATIVE ANALYSIS OF MALAY PEOPLE IN MEDAN, NORTH
SUMATRA)

NIK HASAN, N. N.^{1*} – ARAI, T.²

¹ *Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.*

² *Fakulti Perhubungan Antarabangsa, Universiti Nihon, Shizuoka, Jepun.*

**Corresponding author
e-mail: nikhorma[at]jsum.my*

(Received 04th December 2023; accepted 11th February 2024)

Abstrak. Perkataan Melayu seringkali dirujuk kepada kawasan Kepulauan Melayu yang luas merangkumi Kepulauan di Asia Tenggara. Namun, takrifan yang tepat mengenai orang Melayu sering menjadi perdebatan hingga menimbulkan kekeliruan asal usulnya. Kajian ini menghujahkan bahawa identiti orang Melayu boleh dikenalpasti melalui bahasa, budaya dan ekonominya. Artikel ini juga bukan bertujuan membuktikan siapakah Melayu sebenar atau asal usul Melayu. Ia bertujuan untuk eksplorasi naratif orang Melayu di Kota Medan, Sumatera Utara tentang representasi identiti mereka sebagai Melayu. Juga pandangan mereka terhadap orang Melayu di luar kumpulan mereka termasuk Melayu dari Malaysia. Kaedah diskusi kumpulan fokus dengan lapan orang responden dijalankan dengan berpandukan Teori Identiti Sosial untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati orang Melayu di Sumatera Utara mempresentasikan diri mereka sebagai Melayu mengikut daerah tempat tinggal, mengidentifikasikan diri mereka berdasarkan bahasa dan membuat perbandingan dengan Melayu di Malaysia dari segi adat resam, hubungan Kesultanan Deli, sejarah penjajahan, ekonomi dan penggunaan bahasa Melayu seharian. Dari tema perbandingan ini, tiga yang pertama iaitu adat resam, hubungan kesultanan Deli dan sejarah penjajahan mempunyai persamaan dengan orang Melayu di Malaysia. Manakala, aspek ekonomi dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seharian adalah berbeza. Sungguhpun terdapat persamaan antara Melayu Sumatera Utara dan Melayu di Malaysia, majoriti responden tidak menganggap Melayu di Malaysia sebagai in-group atau boleh disamakan seperti mereka. Dalam masa yang sama responden juga tidak mempunyai stereotaip (out-group) terhadap Melayu di Malaysia. Hal ini agak bertentangan dengan premis Teori Sosial Identiti yang menekankan bahawa kumpulan masyarakat akan memilih sama ada menerima atau menolak kumpulan masyarakat yang lain berdasarkan persamaan atau perbezaan yang mereka miliki. Bagaimanapun, responden kajian ini tidak memilih kedua-duanya.

Katakunci: *Melayu, identiti sosial, asal usul, Malaysia, Indonesia*

Abstract. The word Malay is often referred to the vast area of the Malay Archipelago that includes islands in Southeast Asia. However, the exact definition of the Malays is often debated to the point of causing confusion as to its origins. This study argues that the identity of the Malays can be identified through their language, culture and economy. This article is not intended to prove who the real Malays are or the origin of the Malays. It aims to explore the narrative of Malays in Medan City, North Sumatra about the representation of their identity as Malays. Also, their views on Malays outside their group including those from Malaysia. The focus group discussion method with eight respondents was conducted guided by the Social Identity Theory to achieve objectives of the study. The results of the study found that Malays in North Sumatra present themselves as Malays according to the area of residence, they identify themselves based on language and make comparisons with Malays in Malaysia in terms of customs, relations with the Deli Sultanate, colonial history, economy, and daily use of the Malay language. From the theme of this comparison, the first three which are customs, the relationship of the Deli sultanate and the colonial history have similarities with the Malays in Malaysia. Meanwhile, the

economic aspects and the Malay language as a daily medium of instruction are different. Although there are similarities between the Malays of North Sumatra and the Malays in Malaysia, most respondents do not consider the Malays in Malaysia as an in-group or can be equated with them. At the same time, respondents also do not have stereotypes (out-group) towards Malays in Malaysia. This is quite contrary to the premise of the Social Theory of Identity which emphasizes that community groups will choose whether to accept or reject other community groups based on their similarities or differences. However, the respondents of this study did not choose both.

Keywords: *Malay, social identity, origin, Malaysia, Indonesia*

Pengenalan

Takrif Melayu sering menjadi perdebatan. Kekaburan definisi Melayu juga menimbulkan kekeliruan asal usulnya. Hussin (2004) menghujahkan Melayu merangkumi bangsa serumpun di Nusantara dan penjajah Barat mengenalpasti mereka melalui bahasa serta suku bangsa ketika berdagang. Ketika itu orang Melayu terkenal dengan kemahiran pelayaran dan aktiviti perdagangan rempah dan hasil hutan. Selain dari hujahan ini, terdapat tiga penakrifan mengenai Melayu yang sering dibahaskan oleh pengkaji terdahulu. Pertama ialah Melayu-Polinesia iaitu keluarga bahasa terbesar di dunia merentas dari pulau Madagascar hingga ke utara Taiwan. Negara-negara dalam rentasan ini didapati mempunyai persamaan bahasa seperti kaum Maori di New Zealand yang menggunakan sekurang-kurangnya 50 perkataan yang mirip dengan bahasa Melayu. Kedua, Melayu sebagai rumpun Melayu yang mendiami wilayah alam Melayu serta boleh berbahasa Melayu iaitu dari Aceh hingga ke Pulau Maluku. Rentas kawasan ini termasuklah Malaysia, Singapura, Brunei dan selatan Thailand. Contohnya terjemahan kitab Aqid Al-Nafasi iaitu manuskrip tertua di Nusantara yang membincangkan tentang akidah Islam di ditemui di Aceh, Indonesia pada 1590 ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi. Di Terengganu pula, Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 merupakan inskripsi atau tulisan atau perlambangan yang dipahat pada benda keras seperti batu dan atau logam yang pertama dalam bahasa Melayu dalam tulisan Jawi. Ketiga ialah Melayu sebagai entiti budaya iaitu kelompok manusia yang mempunyai tiga ciri budaya: berbahasa Melayu, berbudaya Melayu dan beragama Islam. Istilah ini bersifat inklusif (Che Rodi, 2022). Ia boleh merangkumi sesiapa sahaja yang mengamalkan tiga ciri ini serta menganggap diri mereka Melayu. Proses pemelayuan suku-etnik lain ini memunculkan istilah 'masuk Melayu'.

Berdasarkan kedudukan geografi, Malaysia dan Indonesia adalah dua teras 'dunia Melayu' (Barnard, 2004) yang sebahagiannya muncul akibat daripada proses dekolonisasi. Walaupun kedua negara mencapai kemerdekaan dengan cara yang berbeza, Malaysia dan Indonesia menikmati kedudukan yang sama sebagai negara bangsa yang berdaulat serta berkongsi pengalaman sejarah yang panjang termasuklah tentang Melayu. Pandangan tentang 'Kemelayuan' antara kedua negara sering bertindih dan menyimpang dalam masa yang sama. Bagaimanapun apabila bercakap tentang pengertian 'Kemelayuan', rakyat Malaysia lebih tegas mengenainya dan lebih giat memajukan idea 'Kemelayuan' berbanding orang Indonesia (Tirtosudarmo, 2005). Situasi ini mungkin terkait fakta bahawa di Indonesia, konsep 'ke-Melayu-an' telah digabungkan dengan kebudayaan. Khususnya semasa rejim Suharto, kebudayaan terhadap kepada hal seperti seni, adat resam, kesusasteraan atau pelancongan yang mana politik dan unsur ideologi telah dihapuskan atau ditapis. Reid (2001) dalam perbincangan yang lebih luas mengenai 'Pemahaman Melayu sebagai Sumber Kepelbagaian Identiti Moden', telah menunjukkan kelainan laluan antara Indonesia, Malaysia dan Brunei.

Beliau menegaskan hanya di Malaysia sahaja konsep 'Kemelayuan' mengekalkan teras etnik dan menjadi faktor penting dalam semangat nasionalis Melayu, identiti mereka sekaligus ideologi negara Malaysia.

Menurut Shamsul (1996), pembentukan identiti boleh difahami melalui dua konteks realiti sosial. Pertama, tafsiran yang ditentukan oleh kerajaan atau struktur kuasa dominan dan tafsiran seharian yang lebih bersifat subjektif. Dalam perspektif yang lebih besar lagi, identiti sosial digunakan masyarakat untuk mengkategorikan diri mereka dan/atau orang lain sebagai kumpulan etnik tertentu. Hal ini termasuk etnik, bangsa, agama, jantina, kewarganegaraan, profesion dan status sosioekonomi. Kadangkala pengkategorian ini boleh menjadi berat sebelah, stereotaip, prasangka dan pilih kasih. Dalam masa yang sama ia juga berfungsi sebagai pemangkin untuk masyarakat bertindak terhadap sesuatu seperti bersuara, berasa motivasi, mengatur perancangan atau menunjukkan sokongan berdasarkan identiti sosial. Jelas identiti sosial penting bagi individu untuk berasa selamat dalam suasana kekitaan bersama individu lain yang mengkategorikan diri mereka dalam kategorikan sama.

Kajian ini membincangkan bagaimanana orang Melayu di Kota Medan, Sumatera Utara mengkategorikan dan merepresentasikan diri mereka sebagai Melayu di Indonesia dan perbandingan dengan Melayu di luar kawasan permastautinan mereka. Beberapa kajian lalu berkenaan orang Melayu banyak memfokuskan tentang asal usul, ciri-ciri atau bahasa (Che Rodi, 2022; Kamil dan Mohamad, 2020; Zami, 2019; Din, 2011; Hussin, 2004; Zain, 2003). Manakala kajian ini meneroka pendapat orang Melayu di Kota Medan, Sumatera Utara menggunakan kaedah diskusi kumpulan fokus bagi mendapatkan naratif terperinci mengenai pembentukan dan representasi identiti 'ke-Melayu-an' mereka.

Sorotan literatur

Asal usul orang Melayu

Dalam memberi penakrifan Melayu, Din (2011) menyarankan agar penyelidik pribumi atau orang Melayu sendiri tidak hanya bergantung kepada spekulasi pemikir Barat sebagai asas hujahan bagi menjelaskan kedudukan asal usul nenek moyang mereka. Bagi Mohamed Anwar, pemikir Barat memberi spekulasi berpengaruh yang menidakkan kepribumian orang Melayu. Misalnya, 'Model Kereta Api Ekspres dari Taiwan ke Polinesia' yang mengatakan nenek moyang rumpun bahasa Austronesia dan Polonesia berasal dari petani purba di Selatan China. Mereka kemudian berpindah ke Taiwan dan seterusnya ke Asia Tenggara, Oceania dan Pasifik. Secara tersirat, Melayu bukan pribumi tapi penghijrah di Nusantara (Din, 2011).

Hal ini disangkal oleh Din (2011). Melayu adalah pribumi di Nusantara berlandaskan tiga kenyataan berikut: (i) fakta geologi yang menunjukkan manusia wujud di Nusantara pada zaman Pleistocene, (ii) jumpaan tengkorak dan fosil purbakala di Nusantara jauh lebih tua daripada wilayah China, dan (iii) tidak pernah ada bukti yang menunjukkan rumpun penutur bahasa Austronesia berpusat dan berkembang pesat di luar Nusantara. Justeru, tiada tempat lain yang wajar difikirkan sebagai tanah asal nenek moyang rumpun penutur bahasa Austronesia selain daripada di Nusantara. Malah entiti Melayu telah wujud seperti mana dicatat oleh Ptolemy yang menyebut Malayu-Kulon sekaligus menjadikan bukti bahawa rumpun penutur bahasa Austronesia telah mengidentitikan diri mereka sebagai Melayu sejak zaman purba. Jadi tidak mungkin entiti Melayu


muncul secara tiba-tiba pada abad tersebut melainkan melalui perkembangan pada abad sebelumnya (Din, 2011).

Entiti Melayu juga wujud secara berterusan. Ini dapat dibuktikan dengan catatan I-Tsing (Yijing) yang singgah di Sumatera pada tahun 655 dan 661 Masihi dalam perjalanan dari China ke India. Beliau mencatatkan nama Srivijaya di Palembang dan nama negeri 'Molo-yui' di Jambi. Catatan beliau ini merupakan bukti selewatnya sejak abad ke-6 Masihi sudah wujud sebuah entiti yang dinamakan Sriwijaya-Melayu di wilayah Palembang dan Jambi. Perjumpaan batu bersurat di Palembang (683 Masihi) dan Jambi (tidak bertarikh) juga menunjukkan pusat Kerajaan Sriwijaya-Melayu adalah dalam daerah Palembang dan Jambi.

Kedatangan Islam juga telah mengukuhkan lagi kedudukan Melayu. Berdasarkan catatan sejarah dan bahan-bahan kontemporari, dapat dirumuskan bahawa orang Melayu dengan sifat-sifat yang ada pada hari ini terbentuk menuruti pengembangan keluasan dinamika pelebaran jaringan Islamisasi di rantau Nusantara. Berdasarkan sumber-sumber tersebut, diujahkan bahawa pengembangan kemunculan orang Melayu itu melalui sekurang-kurangnya sembilan tahap proses berikut iaitu: (i) kewujudan entiti Melayu purba Sriwijaya-Jambi/Melayu berpusat di Palembang dan Jam sebelum abad ke-7, (ii) berlakunya proses Islamisasi di daerah pinggir Sriwijaya-Jambi/Melayu pada abad ke-14 sekaligus mencipta bahasa Jawi, (iii) tertubuhnya Kesultanan Melaka oleh keturunan raja berasal dari 'Melayu' iaitu di daerah Palembang dan Jambi pada awal abad ke-15. Kesultanan Melaka mengembangkan bahasa Jawi dengan memberikan identiti sebagai 'bahasa Melayu'. Pada masa itu penyebutan 'Melayu' hanya terbatas kepada nama keturunan raja dari Kesultanan Melaka yang berasal dari 'Melayu' itu, (iv) sempadan Alam Melayu berkembang mengikut perluasan kuasa empayar politik Kesultanan Melayu Melaka melalui hubungan keluarga, penaungan dan penaklukan. Alam Melayu dan identiti Melayu mula berkembang, (v) sempadan Alam Melayu dan identiti Melayu dari Melaka terus berkembang mengikut pengembangan Laut Melayu, (vi) munculnya kerajaan warisan Kesultanan Melayu Melaka seperti Kesultanan Johor, Kesultanan Terengganu, Kesultanan Pahang dan Kesultanan Perak yang memantap dan memperluaskan lagi sempadan Alam Melayu setelah Kesultanan tersebut runtuh akibat serangan Portugis pada tahun 1511, (vii) berlakunya penubuhan kerajaan-kerajaan Islam baharu di Nusantara yang ada hubungan dengan Kesultanan Melaka seperti Kesultanan Mindanao, Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei dan Kesultanan Patani. Kerajaan Islam ini memperluaskan lagi Alam Melayu di wilayah Timur, (viii) berlakunya pengembangan Imagine Communities Melayu sejak abad ke-18 melalui penulisan kitab oleh para ulama dan cendekiawan sekaligus telah melonggarkan keterikatan identiti Melayu yang sebelumnya merujuk hanya kepada golongan raja. Peristiwa ini sedikit sebanyak memberi kelonggaran identiti Melayu serta memperluaskan persepsi mengenai Alam Melayu, (ix) Imagine Communities Melayu terus berkembang melalui penulisan buku Barat, akhbar, majalah, sistem pendidikan dan pentadbiran. Hal ini melonggarkan lagi ikatan identiti Melayu dari golongan raja, malah menurut Din (2011), ia melenyapkannya sama sekali. Dalam 9 tahap pengembangan orang Melayu di atas, jelas menunjukkan kedatangan Islam sangat mempengaruhi pembentukan identiti Melayu. Tahap-tahap ini juga membuktikan eratnya hubungan 'Melayu' antara Malaysia-Indonesia secara literal sejak berkurun lamanya sebelum berlakunya persempadanan politik.

Identiti Melayu di Malaysia

Sejarah yang panjang dan kompleks ini menyebabkan orang Melayu di Malaysia mempunyai identiti yang berlapis iaitu pada peringkat dalaman dan supra (Din, 2011). Identiti berlapis bukan sesuatu yang baru malah banyak lagi etnik yang memilikinya. Pengkaji membina ilustrasi pada *Rajah 1* berdasarkan hujahan Din (2011) mengenai sifat dan identiti orang Melayu di Malaysia.



Rajah 1. Identiti Berlapis Orang Melayu di Malaysia.
 Sumber: Din (2011).

Merujuk kepada *Rajah 1*, pada peringkat dalaman, orang Melayu terbahagi kepada dua kategori mengikut kumpulan etnik dan geopolitik (negeri, provinsi, daerah, wilayah) iaitu tempat mereka bermastautin sejak dulu. Pada peringkat etnik, orang yang mengidentifikasikan mereka sebagai Melayu boleh terdiri dari orang Jawa, orang Minang, orang Bugis, orang Banjar, orang Aceh, orang Kerinchi, orang Mendailing atau sebagainya. Manakala, pada peringkat geopolitik, mereka terdiri daripada orang Patani, orang Pahang, orang Kedah, orang Kelantan, orang Terengganu, orang Perak, orang Selangor, orang Riau, dan orang Sarawak. Pada peringkat supra, iaitu di atas atau di luar lingkungan kumpulan etnik dan geopolitik masing-masing, kesemua kumpulan etnik di peringkat dalaman, baik mengikut kumpulan etnik mahupun geopolitik mengidentitikan diri mereka sebagai ‘orang Melayu’.

Di luar lingkungan kumpulan etnik, mereka sendiri mengidentiti dan diidentitikan oleh pihak lain sebagai ‘orang Melayu’. Justeru di Malaysia adalah sah untuk menyebut ‘orang Melayu-Jawa’, ‘orang Melayu-Minang’, ‘orang Melayu-Bugis’, ‘orang Melayu-Banjar’, ‘orang Melayu-Boyan’, ‘orang Melayu-Mendailing’, ‘orang Melayu-Kerinchi’ dan sebagainya. Manakala, di luar lingkungan geopolitik, pelbagai kumpulan etnik dari pelbagai negeri, provinsi dan wilayah budaya memperkenalkan diri mereka sebagai ‘orang Melayu-Patani’, ‘orang Melayu-Pahang’, ‘orang Melayu-Kedah’, ‘orang Melayu-Kelantan’, ‘orang Melayu-Terengganu’, ‘orang Melayu-Perak’, ‘orang Melayu-

Selangor’, ‘orang Melayu-Riau’ dan ‘orang Melayu-Sarawak’ misalnya. Hal ini berbeza di Indonesia kerana mereka mengidentitikan diri mereka mengikut kumpulan etnik masing-masing seperti Jawa, Minang, Bugis tidak menambah perkataan Melayu-Jawa atau Melayu-Minang.

Di samping itu, pada peringkat supra kumpulan etnik dan geopolitik itu terdapat juga kumpulan-kumpulan etnik dari pelbagai benua, seperti orang Arab, orang Punjabi, orang Malayam, orang Cina, orang Eropah, yang mengenalkan diri sebagai ‘orang Melayu’. Begitu juga suku-bangsa di Nusantara memilih untuk mengidentitikan diri mereka sebagai Melayu kerana (i) mereka beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan budaya Nusantara iaitu kriteria asas identiti Melayu, (ii) nama Melayu sudah mempunyai reputasi kerana pernah mempunyai empayar terkenal iaitu Kesultanan Melayu Melaka serta pada zaman Islam. Proses pe-Melayu-an ini membolehkan mereka menggunakan istilah ‘masuk Melayu’ bagi identiti mereka (Che Rodi, 2022).

Melayu di Indonesia memiliki keunikan tersendiri dalam menampilkan identiti mereka. Hal ini berbeza dengan Melayu di negara Asia Tenggara lain yang secara umum memiliki kesedaran untuk bersama-sama menghadapi cabaran hidup. Etnik Melayu di Indonesia terikat dalam wilayah provinsi masing-masing dan tidak memiliki emosional kolektif untuk berjuang bersama-sama. Akibatnya perkembangan identiti Melayu terikat pada kedaerahan dan lebih menyerlah pada politik tempatan berbanding politik nasional. Dari perkembangan yang bersifat tempatan ini maka identiti Melayu di Indonesia makin menyempit dan berjalan sendiri-sendiri. Pilihan terhadap identiti Melayu seringkali ditentukan oleh situasi semasa yang sedang dihadapi dan boleh berubah-ubah sesuai permintaan zaman. Tekanan budaya dan politik pada pemerintahan Orde Baru mempengaruhi pembentukan identiti Melayu di Indonesia. Hal ini berlaku kerana pemerintahan Orde Baru melakukan homogenisasi budaya yang mengarah pada Jawanisasi. Akibatnya identiti Melayu menjadi terpinggir (Alfarabi et al., 2019).

Teori identiti sosial

Identiti merupakan hasil daripada pembentukan sosial yang menjelaskan bagaimana manusia menjadi seorang individu, subjek sosial, dan ahli sebuah masyarakat budaya (Rofil et al., 2015). Setiap ahli masyarakat melalui proses pembentukan identiti sendiri dan kolektif yang mewakili gender, kelas sosial, kumpulan etnik dan kewarganegaraan mereka. Dalam proses pembentukan tersebut, mereka perlu mempertimbangkan beberapa ciri untuk memenuhi jangkauan masyarakat bagi menentukan jati diri dan identiti sosial mereka. Aspek-aspek pembentukan identiti ini berkaitan dengan keupayaan seseorang untuk mengguna dan mempertimbangkan struktur sosial yang membentuk mereka sebagai salah satu komponen dalam kumpulan sosial dan budaya tertentu (Rofil et al., 2015). Teori Identiti Sosial menghujahkan bahawa individu akan menentukan identiti diri dalam kumpulan sosial tertentu kerana kumpulan tersebut dapat memperkukuhkan identiti dirinya (Islam, 2014). Pembentukan identiti sosial ini melibatkan dua pengkategorian iaitu pandangan ahli kumpulan (in-group) terhadap kumpulan lain (out-group) dengan kecenderungan melihat kumpulan sendiri sebagai lebih positif. Ahli memperuntukkan lebih banyak sumber kepada kumpulan dalam (in-group) untuk memaksimumkan perbezaan antara kumpulan dalam dan kumpulan luar (out-group) untuk mencapai pengenalan sedemikian.

Proses memihak kepada orang dalam kumpulan ini berlaku dalam tiga peringkat: pengkategorian sosial, pengenalan sosial dan perbandingan sosial: (i) Individu

mengkategorikan diri mereka dan orang lain ke dalam kumpulan sosial berdasarkan kriteria luaran atau dalaman; (ii) kemudian orang interaksi secara emosi, dan mengubah tingkah laku mereka sedikit sebanyak kerana keahlian mereka; dan (iii) ahli membandingkan kumpulan mereka dengan orang lain untuk memperoleh penghargaan untuk keahlian mereka. Proses ini membawa kepada memaksimumkan persamaan dalam kumpulan dan perbezaan antara kumpulan. Pembentukan identiti boleh difahami melalui konteks realiti sosial yang mengambil kira tafsiran yang ditentukan oleh kerajaan dan tafsiran seharian (Shamsul, 1996). Tafsiran oleh kerajaan meliputi jangkaan berkaitan identiti berdasarkan struktur kuasa dominan. Manakala tafsiran seharian ialah pengalaman individu dalam kehidupannya. Dalam pembentukan identiti melalui tafsiran seharian, Shamsul (2001) mendebatkan ia bersifat subjektif dan tidak bersandar kepada realiti secara empirikal. Mengambil kira hujahan Shamsul (2001), kajian ini meneroka pengalaman seharian orang Melayu di Sumatera Utara dalam proses mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah diskusi kumpulan fokus untuk meneroka pandangan orang Melayu di Sumatera Utara mengenai identiti mereka sebagai Melayu. Wilayah Sumatera Utara adalah luas yang merangkumi 33 wilayah termasuk beberapa wilayah orang Melayu antaranya Batubara, Asahan, Deli Serdang, Langkat, Serdang Berdagai dan Medan. Dianggarkan populasi orang Melayu hanya 5% dari jumlah penduduk di wilayah Sumatera Utara iaitu seramai 15 juta penduduk. Melalui persampelan bertujuan, kajian ini mengenalpasti 8 orang responden terdiri dari 7 orang lelaki dan seorang wanita yang berumur antara 34 hingga 56 tahun serta mempunyai pendidikan pada peringkat universiti. Semua responden dilabel R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7 dan R8. Empat soalan utama seperti dalam *Jadual 1* ditanyakan kepada responden bagi mencapai objektif kajian untuk meneroka bagaimana responden mempresentasikan diri mereka sebagai Melayu. Kedua, bagaimana mereka membandingkan orang Melayu di luar kumpulan mereka terutama Melayu dari Malaysia dengan diri mereka sebagai Melayu. Pembinaan soalan ini berpandukan kepada Teori Sosial Identiti yang menekankan pengkategorian, identiti dan perbandingan. Transkripsi temubual dianalisis secara naratif tematik untuk mendapatkan tema serta membuat hubungkait tema bagi menjawab setiap persoalan.

Jadual 1. Soalan temubual secara mendalam berlandaskan teori identiti sosial.

Teori identiti sosial	Objektif kajian	Soalan diskusi kumpulan fokus
Pengkategorian	Untuk meneroka bagaimana orang Melayu di Kota Medan, Sumatera Utara	i. Apakah kegiatan orang Melayu di Medan?
Identiti	merepresentasikan diri mereka sebagai Melayu.	i. Bagaimana anda mengidentifikasikan diri sebagai seorang Melayu? ii. Bagaimanakah pelajar Melayu di Medan menggunakan bahasa Melayu di sekolah berbanding di rumah?
Perbandingan	Untuk meneroka bagaimana orang Melayu di Medan. Sumatera Utara membuat perbandingan identiti di luar	i. Bagaimanakah etnik Melayu di Medan berbeza atau sama dengan orang Melayu di Malaysia?

kumpulan mereka terutama
dengan orang Melayu dari
Malaysia.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Orang Melayu di Medan, Sumatera Utara adalah orang yang bangga dengan identiti mereka sebagai Melayu. Mengakui populasi Melayu semakin mengecil akibat perpindahan dan perkahwinan dengan etnik/suku lain, mereka melihat diri mereka sebagai 'survivors' dalam keadaan etnik Melayu dihimpit banyak cabaran dari aspek kependudukan, ekonomi, tahap pendidikan dan politik. Mereka juga masih mengenang kehebatan Melayu dahulu dari jalur Kesultanan Melayu dan cendikiawan hinggalah kepada pelayar hebat di lautan yang keras bahasanya tapi cukup tinggi toleransinya. Sikap toleransi ini menyebabkan Melayu yang merupakan bumiputera Kota Medan menerima baik etnik lain dari daerah lain di Sumatera dan dari Pulau Jawa merantau ke tempat mereka. Situasi ini menyebabkan pembentukan etnisiti di Kota Medan menjadi semakin kompleks dan secara tidak langsung meminggirkan Melayu sendiri. Secara lebih terperinci, perbincangan dapatan kajian ini disusun berdasarkan objektif kajian yang telah diterokai melalui tiga (3) soalan seperti tertera pada *Jadual 1*.

Representasi diri sebagai Melayu

Terdapat empat (4) tema bagi memahami bagaimana responden mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu iaitu melalui kedaerahan, bahasa, adat dan persatuan Melayu yang disertai. Keempat tema ini berhubungkait antara satu sama lain dan boleh dibincangkan seperti berikut. Orang Melayu di Kota Medan sangat aktif dalam kegiatan berpersatuan. Melalui persatuan, mereka dapat memperkenalkan budaya masing-masing mengikut daerah asal yang mana mereka cuba melestarikan bahasa dan adat Melayu. Kegiatan berpersatuan juga bertujuan untuk memajukan intelek Melayu di Sumatera Utara. Namun, proses identifikasi ini diselangseli dengan pelbagai cabaran seperti peristiwa perang kemerdekaan, proses transmigrasi dan penghijrahan pentadbiran politik. Perkaitan empat (4) tema bagi identiti diri serta cabarannya dapat dihuraikan seperti di bawah. Majoriti responden menyatakan identiti mereka sebagai Melayu dibuat melalui pengkategorian daerah atau negeri asal usul mereka. Mereka menggelar diri mengikut negeri asal seperti Melayu Batubara, Melayu Langkat, Melayu Deli dan Melayu Serdang. Selain itu, mereka juga membezakan diri mereka melalui bahasa atau loghat Melayu mengikut daerah. Menariknya mereka juga mengaitkan persamaan identiti mengikut daerah dan bahasa ini dengan Melayu di Malaysia. Seorang responden memberitahu:

'Perlu diketahui dulu kalau di Sumatera Utara, Melayu banyak jenisnya, banyak puaknya. Bererti kalau di Malaysia, ada Johor, Kelantan. Di Sumatera Utara juga sama. Ada namanya Melayu Batubara, Melayu Langkat, Melayu Deli, Serdang, Panai, Bilah, Kota Pinang, Padang...' (R2)

Seorang responden lagi menambah:

'Di sebelas negeri ini ada beza seperti bahasa. Contoh di Batubara banyak guna O (huruf O). Contohnya kalau di Patani (Thailand) tu kan Melayu. Mahu ke mana

jadi di Batubara...Ndak no?...Ndak ke mano? Mirip dengan Patani. Kalau di Deli...hendak ke mane? Itu lebih mirip dengan Malaysia'. (R1)

Semua responden percaya bahawa aktiviti berpersatuan adalah kegiatan yang penting untuk mengeratkan hubungan dan melestarikan adat orang Melayu. Berpersatuan juga dapat membantu mereka membezakan diri mereka sebagai Melayu dengan etnik yang lain. Tanpa persatuan identiti orang Melayu mungkin akan perlahan-lahan terpinggir kerana populasi mereka yang semakin mengecil. Bagi mengukuhkan adat, budaya, bahasa dan intelektual Melayu, terdapat beberapa fokus utama dalam berpersatuan seperti adat, daerah dan pendidikan. Seorang responden menjelaskan:

'Kalau organisasi Melayu sendiri sebetulnya kami membahaginya kepada beberapa. Satu sarjana Melayu...Ikatan Sarjana Melayu Indonesia...kemudian ada namanya Majlis Adat Budaya Melayu Indonesia...Persatuan Pelajar Melayu Indonesia...kalau terkait dengan organisasi bersifat keterpelajaran....ada bersifat kedaerahan. Ada Hikabara, ada Iklab Labuhan Batu, ada Ikmal Langkat, ada Ikatan Keluarga Deli....dan juga Telangkai Melayu iaitu juru bicara saat lamaran kerana walaupun kita orang Melayu, kadangkala bahasa di sini sedikit berbeda...(R2).'

Representasi diri secara kolektif melalui persatuan adalah penting bagi orang Melayu di Medan. Namun, bukan semua mahu mengidentifikasikan diri mereka melalui persatuan dengan fokus yang spesifik. Maka terdapat juga beberapa lagi persatuan yang bersifat terbuka untuk disertai. Hal ini diterangkan oleh seorang responden seperti berikut:

Ada lagi persatuan...Hang Tuah. Ada dua, Hang Tuah Indonesia dan Laskar Melayu Hang Tuah. Sesiapa saja boleh ikut kerana tidak kedaerahan, tidak juga kesarjanaan...sesiapa saja (orang Melayu) boleh ikut (R4).

Bagi memaknai siapakah Melayu di Kota Medan sekarang, dua peristiwa besar mesti dibincangkan iaitu perang kemerdekaan dan transmigrasi yang mempengaruhi pembentukan orang Melayu. Menurut seorang sumber, perang kemerdekaan telah menyebabkan gugurnya ramai cendekiawan Melayu di Sumatera Utara. Akibatnya banyak bahan ilmiah berkenaan orang Melayu turut musnah. Menurut sumber ini:

Di Indonesia ada perang kemerdekaan sampai ke Sumatera Utara ini. Dulu di sini ada perang di tingkat Melayu di Tebing Tinggi. Itu banyak sekali cendekiawan Melayu yang keguguran...jadi sangat berdambak kepada pembentukan Melayu sekarang...sebab pada masa dulu, Melayu sangat berjaya. Banyak sekali bahan ilmiah yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu...kemudian perang...sejarah mencatatkan yang gugur termasuk Tengku Amir Hamzah...jadi itu merupakan satu titik balik Melayu yang bisa dilihat sekarang...(R8).

Peristiwa kedua ialah transmigrasi iaitu perpindahan secara besar-besaran masyarakat dari pulau Jawa ke pulau Sumatera dalam tempoh yang singkat terutama bagi masyarakat Jawa. Hal ini menjadikan populasi masyarakat Jawa sebagai kumpulan yang besar di Sumatera Utara. Peristiwa ini mempengaruhi orang Melayu dalam dua

keadaan iaitu: (i) cara mereka berinteraksi dan (ii) penggunaan bahasa Melayu yang semakin pudar. Responden berkata:

...akibat transmigrasi ini...populasi orang Jawa sangat berkembang di sini (Kota Medan). Itu sangat mempengaruhi bagaimana interaksi orang Melayu dengan orang Jawa yang mengubah kehidupan orang Melayu sendiri...serta memudahkan bahasa Melayu itu sendiri. Ini mungkin dua titik balik yang mempengaruhi Melayu sekarang (R8).

Kebanyakan responden bersetuju bahawa kemasukan etnik lain ke Kota Medan menjadikan kemelayuan dalam diri orang Melayu sendiri semakin pudar. Sebahagian dari responden menyifatkan sebagai penghijrahan iaitu proses perpindahan secara perlahan-lahan tidak seperti transmigrasi. Sama ada penghijrahan atau transmigrasi, kedua-dua peristiwa ini mempengaruhi kehidupan orang Melayu di Kota Medan. Penghijrahan dari luar menyebabkan daerah asal mereka seperti Kota Medan dikuasai oleh etnik lain dari segi ekonomi, pendidikan dan perniagaan. Hal ini menyebabkan orang Melayu asal Kota Medan berpindah ke tempat lain untuk kelangsungan hidup. Seorang responden menjelaskan:

Di Sumatera utara ini ada 9 etnis yang berdiam di provinsi ini lalu ada pendatang. Ada Jawa, Sunda, Arab, Cina, India, Minang...jadi total ada 20 lebih suku-suku. Namun, penduduk asli ialah orang Melayu...semua jadi multicultural, heterogen tidak lagi homogen, masyarakat Melayu terpinggir, termarginal...kembali ke kampung. Masyarakat Melayu yang 'educated'...yang mampu dan berkompentisi di sini masih bekerja di universiti, tapi level menengah ke bawah balik ke kampung. Ada juga yang masih menonjolkan diri sebagai orang Melayu walaupun secara perekonomian Kota Medan ini dan Sumatera Utara secara total dikuasi oleh Cina (R2).

Penghijrahan ini bukan sahaja menjejaskan ekonomi orang Melayu tetapi juga mengakibatkan daerah mereka menjadi semakin mengecil. Selain itu, perkahwinan campur antara etnis menyebabkan identiti Melayu juga perlahan-lahan terhakis. Lima orang responden berpendapat bahawa situasi berlaku kerana sikap toleransi Melayu sendiri. Salah seorang dari mereka mengatakan:

Pada kesahihannya, masyarakat Melayu ini cukup toleransi. Siapa pun yang datang itu tidak terjadi pertikaian ataupun konflik. Kita tetap duduk sama, rukun damai dengan suku-suku lain...tapi akhirnya terpinggir (R5).

Penggunaan bahasa Melayu turut mendapat implikasi dari hal ini. Contohnya anak orang Melayu yang tinggal di bandar menggunakan bahasa Indonesia di sekolah dan di rumah. Hal ini berlaku kerana tiga sebab iaitu pertama, masyarakat bandar yang kebanyakannya penghijrah menggunakan bahasa Indonesia untuk komunikasi meskipun ada loghat tersendiri, kedua, perkahwinan campur seringkali menyebabkan si anak mengambil jalan tengah menggunakan bahasa Indonesia berbanding bahasa ibunda ibubapanya dan ketiga, terpinggirnya orang Melayu di bandar seperti yang dinyatakan di atas. Seorang responden menjelaskan:

...tanggal 28 Oktober 1928 para belia sepakat bahawa bahasa yang menjadi bahasa kesatuan... 'mother language' Indonesia itu adalah bahasa Melayu... kerana pada masa sebelum kemerdekaan itu tidak ada satu bahasa pun yang bisa digunakan secara mudah. Hanya bahasa Melayu. Tapi tahun 1972 bahasa Melayu disempurnakan dari bahasa Melayu kepada bahasa Indonesia yang 'terstandard' EED (ejaan yang disempurnakan). Cuma yang menjadi masalah mendasar orang Melayu tidak lagi bisa berbahasa Melayu asli. Hanya jika saya ketemu kawan kampung saya tanya, apo kobar?... tapi sebenarnya ngak ada lagi kalau di kota jarang didengar...(R2).

Kelestarian identiti sesuatu bangsa juga memerlukan sokongan dan pengiktirafan keistimewaannya (Islam, 2014). Bagaimanapun di Medan keistimewaan orang Melayu sebagai penduduk asal pernah dinafikan oleh kerajaan tempatan. Justeru, adalah agak sukar untuk mereka mengidentifikasikan diri sebagai Melayu. Menurut seorang responden:

Walaupun provinsi Sumatera Utara dianggap bukan punya orang Melayu kerana pimpinannya (Gabenur) juga kita (orang Melayu) jarang dapat. Baru tiga atau empat kali gabenur kita di sini orang Melayu... Dato Samsul Arifin, Tengku Ali Ibrahim... Sebelumnya semua orang Mandailing, orang Batak yang jadi gabenur jadi polisi dan kebijakannya tidak terlalu berpihak kepada kita (orang Melayu). Seperti sekarang ini Kota Medan sebenarnya adalah tanah Deli (masyarakat Melayu Deli) tapi dikatakan oleh Wali Kota bahawa bukan tanah Deli tapi tanah Sumatera Utara kerana ibu kota ini adalah Sumatera Utara...(R5).

Dari segi identifikasi diri sebagai Melayu, responden menyifatkan ianya sebagai satu pergelutan sendiri dan juga secara kolektif. Bagi keluar dari pergelutan ini, orang Melayu di menggunakan strategi berpersatuan dan identifikasi melalui kedaerahan untuk mengekalkan adat dan bahasa yang menjadi identiti mereka.

Perbandingan identiti Melayu di luar Sumatera Utara

Kebanyakan responden tidak menganggap orang Melayu di Malaysia sebagai in-group atau boleh disamakan seperti mereka. Dalam masa yang sama responden juga tidak mempunyai stereotaip (out-group) terhadap orang Melayu di Malaysia. Bagaimanapun, responden seringkali merujuk orang Melayu di Malaysia sebagai penanda aras (benchmark) dan dibandingkan dari segi kemajuan pendidikan serta budaya seperti bahasa dan pendaerahan. Perbandingan yang dibuat menunjukkan bahawa responden menyedari dan mengakui terdapat perkaitan antara orang Melayu di Malaysia dengan mereka walaupun tidak mengkategorikan mereka sebagai in group. Perbandingan identiti yang dibuat oleh responden juga agak kompleks. Dari segi perbandingan identiti, terdapat empat persamaan tema iaitu pendaerahan, adat resam, hubungan kesultanan Deli dan sejarah penjajahan. Manakala terdapat dua tema yang berbeza iaitu pencapaian ekonomi dan pendidikan serta bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seharian. Hal ini dapat dihuraikan seperti berikut. Identiti orang Melayu mengikut daerah asal mereka seringkali disebut-sebut oleh responden dan ada persamaannya dengan Malaysia. Seorang responden memberitahu:

Perlu diketahui dulu kalau di Sumatera Utara ini Melayu banyak jenisnya...puaknya...berarti sama kalau di Malaysia, ada Johor, Kelantan...Di Sumatera juga sama ada namanya Melayu Batu Bara, Langkat, Deli, Serdang....ada 11 negeri Melayu...Melayu dipanggil ikut pendaerhannya...(R6).

Catatan sejarah juga membuktikan terdapat persaudaraan antara orang Melayu di Sumatera Utara dengan Malaysia. Hubungan yang terkait rapat ini dinyatakan oleh beberapa responden terutama berkenaan hubungan kesultanan Deli dengan kesultanan di Malaysia yang secara tidak langsung mengaitkan persamaan adat resam antara kedua belah pihak. Seorang responden menjelaskan:

...saudara sebenarnya ada...di Istana Maimun...bersaudara. Memang ada persaudaraan...kalau tak silap Sultan Deli yang keberapa...dengan kesultanan Johor. Jadi dari banyak catatan sejarah juga memang menulis adat Melayu itu sama...di Malaysia dan di sini (Sumatera Utara)...kerana ada persaudaraan kan...(R7).

Responden yang sama juga berpendapat persaudaraan ini telah dipisahkan secara paksa oleh penjajah melalui sempadan politik hingga terbentuk Malaysia dan Indonesia. Dasar-dasar penjajah dan tempoh penjajahan yang lama termasuk tafsiran yang diberikan oleh kerajaan sekarang serta tafsiran seharian mengenai identiti Melayu juga mempengaruhi pembentukan identiti Melayu yang berbeza antara Malaysia dan Indonesia. Antara kesan penjajah ialah hilangnya pemerintahan Sultan. Seorang responden berkata:

...semasa Inggeris datang ke Selat Melaka sampai ke Batu Bara, pada tahun 1723 kalau tak silap sudah ada Kesultanan di situ. Bila Belanda masuk tahun 1800, Kesultanan sudah tidak ada, yang ada hanyalah kedatukan sahaja...kesultanan udah dihapuskan... (R7).

Kesan penjajahan juga mempengaruhi pembentukan identiti orang Melayu di kedua negara. Majoriti responden berpendapat orang Melayu di Malaysia lebih berdaya saing dari segi ekonomi dan pendidikan. Hal ini mungkin disebabkan oleh cara penjajahan yang berbeza antara Inggeris dan Belanda yang lebih memanfaatkan orang Melayu di Malaysia. Responden juga berpendapat masyarakat berbilang bangsa di Malaysia yang muncul akibat penjajahan Inggeris juga menyebabkan orang Melayu lebih mempunyai sikap juang bagi kebangkitan bangsa. Sifat-sifat ini yang tidak ada pada orang Melayu di Sumatera Utara, mereka menambah. Seorang responden berkata:

...beza dengan Malaysia...kalau di Malaysia ada orang Melayu, Cina dan India...jadi persaingan tinggi. Kalau di sini (Sumatera Utara) tidak...jadi orang Melayu...kami segan-segan, daya tahan juang untuk pendidikan misalnya...itu agak lemah. Kerana mungkin etnis yang ada di sini seperti Melayu sendiri...ya, orang Jawa, Batak...jadi saingan itu mungkin dirasakan kurang...kerana orang Melayu ini sangat mudah cari makan...cari wang...kalau orang Pantai tu, pergi dia ke laut tangkap ikan...udah dapat makan. Kalau orang Malaysia itu berfikir...persaingan lagi dan pula sebab dijajah Inggeris jadi pembangunan negaranya lain...(R6).

Selain itu, kelestarian bahasa Melayu di Sumatera Utara juga dikhuatiri akan perlahan-lahan pudar kerana generasi muda menggunakan bahasa Indonesia standard di sekolah dan alam pergaulan seharian. Perkara ini berlainan sekali dengan Malaysia yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Jika bahasa Melayu tidak dituturkan lagi pada masa akan datang, ciri-ciri identiti Melayu hanya akan tinggal kepada berbudaya Melayu dan beragama Islam. Pemudaran bahasa Melayu ini juga menjadi agenda utama orang Melayu berpersatuan bagi mengukuhkan lagi ciri-ciri identiti mereka. Menurut seorang responden:

Begini...jadi Indonesia sama Malaysia itu tak sama. Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapur...walaupun serumpun tapi tak sama. Sekarang memang kami guna bahasa Indonesia...dimana sahaja...kecuali kalau pulang kampung...barulah guna bahasa Melayu. Di Malaysia...malah bahasa Melayu bahasa utama...di Brunei juga ada MIB...Melayu, Islam, Beraja...diajar kurikulum di sekolah hingga universiti...jadi bahasa Melayu di sini semakin memudar tidak seperti di Malaysia...(R3).

Sungguhpun respondens didapati cuba membezakan orang Melayu di Kota Medan berbanding Malaysia (out-group) namun hakikatnya lebih banyak persamaan yang dibahaskan tanpa disedari.

Kesimpulan

Orang Melayu di Kota Medan, Sumatera Utara merepresentasi dan identifikasikan diri mereka secara kategori melalui kedaerahan, bahasa dan budaya tetapi bukan ekonominya. Mereka mempunyai semangat yang tinggi untuk memperkukuhkan kedudukan orang Melayu di Sumatera Utara dan ini dilakukan secara kolektif dalam aktiviti berpersatuan. Motif utama berpersatuan ialah untuk meningkatkan intelektual, memelihara bahasa, adat dan budaya serta mengukuhkan ukhuwah. Usaha ini dibuat kerana populasi orang Melayu yang semakin mengecil akibat penghijrahan dan transmigrasi dari luar sekaligus menyebabkan penggunaan bahasa Melayu semakin pudar serta ekonomi tercalar. Sungguhpun tiada faktor politik disebut secara eksplisit oleh responden, dipercayai ia juga mempengaruhi kedudukan orang Melayu di Kota Medan. Secara kolektif, responden sepakat mereka mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu melalui daerah asal usul serta budaya dan berpendapat bahasa Melayu boleh terancam jika tidak terus dilestarikan.

Kajian ini juga mendapati responden tidak menganggap orang Melayu di Malaysia sebagai kumpulan mereka (in-group). Dalam masa yang sama mereka juga tidak membezakan antara kumpulan mereka dan orang Melayu di Malaysia. Hal ini bertentangan dari apa yang diujahkan oleh pengkaji terdahulu bahawa ahli sesuatu kumpulan akan cuba memaksimumkan perbezaan dengan kumpulan luar (out-group) bagi menunjukkan kekuatan kumpulan dalam (in-group) (Islam, 2014). Malah, banyak persamaan yang cenderung ke arah emosi seperti persaudaraan disebut oleh respondens lebih menjurus bahawa orang Melayu di Kota Medan dan orang Melayu di Malaysia boleh tergolong dalam kumpulan yang sama (in-group). Dengan ini, kajian seterusnya boleh dilakukan terhadap bagaimana orang Melayu di Malaysia mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu dan perbandingan dengan orang Melayu di Indonesia.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakam penghargaan kepada para responden di Medan, Sumatera Utara yang telah membantu dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penyelidik mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Alfarabi, A., Venus, A., Syafirah, N.A., Salam, N.E. (2019): Media Identitas Melayu Pascareformasi Di Indonesia. – *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding* 6(7): 21-31.
- [2] Barnard, T.P. (Ed.) (2004): *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries*. – NUS Press 332p.
- [3] Che Rodi, R. (2022): Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. – *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* 1(1): 157-180.
- [4] Din, M.A.O. (2011): Asal usul orang Melayu: menulis semula sejarahnya (The Malay origin: rewrite its history). – *Jurnal Melayu* 7: 82p.
- [5] Hussin, H. (2004): Orang Melayu Kelantan dari sudut budaya dan perspektif sejarah lampau. – *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies (JEBAT)* 31: 15-38.
- [6] Islam, G. (2014): Social dominance theory. – *Encyclopedia of Critical Psychology* 28(1): 1779-1781.
- [7] Kamil, I.M.M., Mohamad, M. (2020): Cabaran pemerksaan bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia. – *Asian People Journal (APJ)* 3(2): 181-191.
- [8] Reid, A. (2001): Understanding Melayu (Malay) as a source of diverse modern identities. – *Journal of Southeast Asian Studies* 32(3): 295-313.
- [9] Rofil, L.E.F., Syed, M.A.M., Hamzah, A. (2015): Jadi Melayu’: Televisyen dan pembentukan identiti wanita keturunan Jawa di Malaysia. – *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(1): 41-58.
- [10] Shamsul, A.B. (2001): A history of an identity, an identity of a history: the idea and practice of ‘Malayness’ in Malaysia reconsidered. – *Journal of Southeast Asian Studies* 32(3): 355-366.
- [11] Shamsul, A.B. (1996): “Nations-of-Intent in Malaysia”. – *Asian Forms of the Nation*, Tønnesson, S. and Antlöv, H. 25p.
- [12] Tirtosudarmo, R. (2005): The Orang Melayu and Orang Jawa in the ‘lands Below the Winds’. – *Centre for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity* 19p.
- [13] Zain, S.M. (2003): Penyebaran orang rumpun Melayu pra-Islam dan perkembangan tulisan bahasa Melayu. – *Sari* 21: 129-149.
- [14] Zami, R. (2019): Orang melayu pasti Islam: analisis perkembangan peradaban Melayu. – *Jurnal Islamika* 2(1): 66-81.